

LATIHAN TAJUK FOKUS SEJARAH SPM 2025 (TINGKATAN 4)

BAB 1 – PERUNDANGAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

Undang-undang diperkenalkan bagi menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka

a) Nyatakan undang-undang yang digunapakai dalam Kesultanan Melayu Melaka.

I) **Hukum Kanun Melaka**

II) **Undang-undang Laut Melaka**

[2 markah]

b) Jelaskan perkara yang terkandung dalam undang-undang di (a).

Perkara yang terdapat dalam undang-undang di (a) ialah Hukum Kanun Melaka. Perkara yang terdapat dalam Hukum Kanun Melaka ialah perbuatan Jenayah yang akan dikenakan hukum setimpal contohnya mencuri. Perkara seterusnya ialah Peranan Sultan dan Pembesar. Hal demikian ,mereka mesti arif dalam pentadbiran.

[4 markah]

c) Apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara ?

Kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara ialah dapat mewujudkan politik negara yang stabil. Hal demikian dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur. Seterusnya, pemerintah negara menjadi kukuh. Kesannya, negara disanjung tinggi.

[4 markah]

BAB 1 – PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT

Maklumat berikut merujuk kepada masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Golongan Pemerintah• Golongan Rakyat |
|---|

a) Senaraikan mereka yang tergolong dalam golongan pemerintah

Raja

I)

Pembesar

II)

[2 markah]

b) Jelaskan peranan golongan pemerintah dan rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

I) Golongan Pemerintah

Peranan golongan pemerintah itu Raja yang berperanan menjaga keselamatan negeri baginda.

Selain itu, raja juga berperanan mewujudkan perpaduan rakyat.

[2 markah]

II) Golongan rakyat

Peranan rakyat ialah memberi taat setia kepada pemerintah. Selain itu, rakyat berperanan menjadi tentera. Seterusnya, rakyat berperanan menyumbang tenaga kerja.

[2 markah]

c) Teliti petikan dibawah

| |
|---|
| Raja dan Rakyat berpisah tiada. Raja menjadi tonggak perpaduan di negara kita |
|---|

Ulasakan pernyataan tersebut.

Ulasan saya ialah raja menjadi tonggak perpaduan di negara kita. Hal ini perpaduan kaum menjadi kukuh.

Seterusnya, hubungan kaum semakin erat.

Seterusnya, wujud kerjasama antara kaum.

[4 markah]

Kesannya, rakyat hidup aman dan harmoni.

BAB 2 – KEBANGKITAN NASIONALISME

Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara barat telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara termasuklah di negara kita.

a) Jelaskan perkembangan nasionalisme berikut :

I) Nasionalisme di Filipina

Perkembangan nasionalisme di Filipina bermula dengan Jose Rizal. Hal demikian Jose Rizal menuntut hak yang sama. Seterusnya, Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina untuk mendesak Sepanyol mengubah politik, ekonomi dan sosial.

Jika soalan esei, calon perlu tambah tokoh lain [3 markah]

II) Nasionalisme di Indonesia

Perkembangan nasionalisme di Indonesia bermula Raden Adjeng Kartini. Hal demikian berjuang untuk memajukan pendidikan kaum wanita. Karyanya ialah “ Habis Gelap Terbitlah Terang”.

Jika soalan esei, calon perlu tambah tokoh lain [3 markah]

b) Teliti keratan akhbar berikut.

“ Umumnya nasionalisme bertujuan membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing. Namun, pengertian nasionalisme dalam konteks lepas merdeka lebih sebagai satu perjuangan mempertahankan maruha dan mempertingkatkan martabat serta kedaulatan negara”

Sumber : Akhbar Berita Harian

Berikan Komen anda.

Komen saya ialah nasionalisme merupakan satu perjuangan mempertahankan maruah dan mempertingkatkan martabat dan kedaulatan negara. Hal demikian dapat mewujudkan politik negara yang stabil. Seterusnya, sistem pentadbiran menjadi teratur. Seterusnya, pemerintahan menjadi kukuh. Kesannua, negara disanjung tinggi.

[4 markah]

BAB 4 – MALAYAN UNION

Gagasan Malayan Union diperkenalkan di Tanah Melayu untuk menggantikan BMA.

a) Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union ?

Sebab orang Melayu menentang Malayan Union ialah mengancam kedudukan Raja-raja Melayu. Hal demikian, Raja hanya berkuasa dalam soal agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja. Sebab seterusnya ialah menjejaskan kedudukan istimewa orang Melayu. Hal demikian kerana Malayan Union memperkenalkan Jus Soli.

[3 markah]

b) Bagaimanakah penentangan tersebut dilaksanakan ?

Cara penentangan dilaksanakan ialah bantahan melalui akhbar. Hal demikian, mereka membantah dan mengancam MU. Cara penentangan seterusnya ialah bantahan cendekiawan. Hal demikian, Dato Onn Jaafar menggerakkan orang Melayu untuk menentang MU.

[3 markah]

c) Pada pandangan anda, apakah kesan sekiranya penentangan tersebut gagal dilaksanakan ?

Pada pandangan saya, kesan jika penentangan tersebut gagal ialah kuasa Raja-raja Melayu terhakis. Hal demikian raja hanya berkuasa dalam soalan agama islam sahaja. Kesan seterusnya ialah hak istimewa orang Melayu terancam. Hal demikian syarat kewarganegaraan yang longgar.

[4 markah]

BAB 5 – PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhakna secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

a) Jelaskan ciri-ciri PTM 1948 berikut :

I) Pentadbiran

Ciri pentadbiran dalam PTM 1948 ialah gabungan 9 buah negeri Melayu dan 2 buah negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Selain itu, Singapura kekal sebahai tanah jajahan British yang berasingan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruh Tinggi British [3 markah]

II) Kewarganegaraan

Ciri kewarganegaraan dalam PTM 1948 ialah secara kuatkuasa Undang-undang. Penduduk asal yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh perjanjian PTM. Seterusnya secara pendaftaran iaitu mereka yang lahir di Tanah Melayu yang bermastautin selama 15 tahun. [3 markah]

b) PTM 1948 merupakan asas kepada pembinaan negara hari ini. Buktikan

PTM 1948 merupakan asas kepada pembinaan negara kerana kedudukan Raja-raja Melayu pertahankan. Hal demikian penting kerana Raja merupakan tonggak perpaduan. Hal demikian dapat mewujudkan perpaduan yang kukuh. seterusnya hubungan kaum semakin erat. Kesannya rakyat hidup aman dan harmoni.

[4 markah]

BAB 7 – JAWATANKUASA HUBUNGAN ANTARA KAUM (CLC)

Jawatankuasa Hubungan antara kaum (CLC) berperanan menyelesaikan isu yang berbangkit antara kaum supaya tidak timbul konflik yang berterusan.

a) Apakah objektif pembentukan CLC ?

Objektif CLC ialah mengkaji hubungan kaum secara mendalam. Selain itu, objektif CLC membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya adil untuk semua kaum. [2 markah]

b) Jelaskan peranan CLC dalam menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Peranan CLC dalam menyelesaikan pertikaian antara kaum ialah mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri. Peranan seterusnya ialah mencadangkan mengadakan pilihan raya secara berperingkat. Peranan seterusnya ialah mencadangkan agensi untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu seperti RIDA. Peranan seterusnya ialah mencadangkan sistem pendidikan yang seragam. [4 markah]

c) Mengapakah perpaduan kaum merupakan asas penting dalam usaha membina negara bangsa ?

Perpaduan kaum merupakan asas penting dalam usaha membina negara bangsa ialah dapat mewujudkan politik negara yang stabil. Hal ini dapat mewujudkan sistem pentadbiran yang teratur. Seterusnya, pemerintahan negara menjadi kukuh. Kesannya, negara disanjung tinggi.

[4 markah]

BAB 8 – PERANAN KABINET PERTAMA

Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibarisi oleh 10 orang Menteri dan turut dianggotai tiga orang pegawai British

- a) Namakan dua orang wakil pemimpin tempatan yang menjadi anggota dalam Kabinet Pertama.

I) **Tunku Abdul Rahman**

II) **H.S. Lee**

[2 markah]

- b) Jelaskan peranan kabinet pertama.

Peranan kabinet pertama ialah membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam. Peranan seterusnya ialah mengurangkan kuasa pentadbiran Britain. Peranan seterusnya ialah membincangkan isi keselamatan dalam negeri dan pertahanan. Peranan seterusnya ialah menjadi asas kepada pembentukan kerajaan Persekutuan.

[4 markah]

- c) Kerjasama pemimpin pelbagai kaum membawa kesejahteraan kepada negara. Bincangkan.

Kerjasama pemimpin pelbagai kaum membawa kesejahteraan kepada negara. Hal demikian, dapat mewujudkan perpaduan kaum yang kukuh. Seterusnya, hubungan kaum semakin erat. Seterusnya, wujud kerjasama antara kaum. Kesannya, rakyat hidup aman dan harmoni.

[4 markah]

BAB 9 – RUNDINGAN LONDON

Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan merupakan wakil rombongan ke London pada tahun 1956

a) Nyatakan tiga tujuan rombongan tersebut ke London.

I) **Berunding ke arah pemerintahan sendiri / merdeka**
.....

II) **Membincangkan hal keselamatan**
.....

III) **Menggubal perlembagaan negara yang merdeka**
.....

[3 markah]

b) Apakah kejayaan yang dicapai oleh rombongan tersebut ?

kejayaan yang dicapai dalam rombongan tersebut ialah
.....

menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu.
.....

Kejayaan seterusnya ialah mendapatkan kemerdekaan 31
.....

Ogos 1957. Seterusnya, kejayaannya ialah merangka
.....

perlembagaan negara yang merdeka. Kejayaan seterusnya
.....

ialah mendapatkan jaminan keselamatan dan pertahanan.
.....

[3 markah]

c) Pengisytiharan Tarikh kemerdekaan negara di Padang Banda Hilir, Melaka merupakan tindakan yang rasional.

Jelaskan

Rasionalnya ialah Kerajaan Pertama yang dijajah oleh Barat.
.....

Seterusnya, rasionalnya ialah Melaka merupakan sebuah
.....

Kerajaan yang gemilang. Rasional seterusnya ialah pusat
.....

perdagangan dunia. Rasional seterusnya ialah simbol
.....

penjajah berakhir.
.....
.....

[4 markah]

BAB 9 – SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Pada 8 Mac 1956, kerajaan British dengan persetujuan Raja-raja Melayu mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

a) Nyatakan tiga terma yang menjadi rujukan suruhanjaya tersebut dalam menggubal perlembagaan

I) **Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu**

II) **Cadangkan jawatan Ketua Negara**

III) **Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu**

b) Bagaimanakah suruhanjaya tersebut melaksanakan tugasnya ? [3 markah]
Perlembagaan digubal berasaskan Demokrasi Berparlimen

Suruhanjaya tersebut melaksanakan tugasnya ialah meminta cadangan daripada penduduk secara lisan atau bertulis. Tugas seterusnya ialah menerima memorendum bertulis daripada pelbagai pihak. Tugas seterusnya ialah mengadakan lawatan ke negeri Melayu dan Negeri Selat.

c) Teliti petikan berikut.

Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah proses rundingan dan permuafakatan antara kaum berasaskan pada 131 memorandum yang diserahkan kepada suruhanjaya

Berita Harian 25 Oktober 2019

Berikan ulasan anda.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah proses rundingan dan permuafakatan antara kaum. Hal demikian dapat mewujudkan perpaduan yang kukuh. Seterusnya dapat mewujudkan kerjasama antara kaum. Seterusnya, hubungan kaum semakin erat. Kesannya, rakyat hidup aman dan harmoni.

BAB 9 – PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

a) Jelaskan inti pati Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berikut :

I) Kewarganegaraan

Kewarganegaraan Sebelum merdeka kerakyatan berdasarkan prinsip Jus Soli. Seterusnya, selepas merdeka ada tiga jenis kerakyatan. Contohnya, penguatkuasaan undang-undang, memohon didaftarkan sebagai rakyat dan memohon untuk menukar kerakyatan. [3 markah]

II) Raja bagi Persekutuan Tanah Melayu

Pemilihan seorang Raja sebagai Yang Di-Pertuan Agong. Hal demikian demikian berperanan sebagai Ketua Negara. YDPA dilantik dalam kalangan raja Melayu serta memegang jawatan selama 5 tahun secara bergilir.

[3 markah]

b) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas dalam pembinaan negara bangsa. Jelaskan

Perjanjian PTM 1957 menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa kerana menjalankan pentadbiran berbentuk Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Hal demikian dapat mewujudkan politik negara yang stabil. Seterusnya, sistem pentadbiran menjadi teratur. Seterusnya, pemerintahan menjadi kukuh. Kesanya, negara disanjung tinggi. [4 markah]

BAB 10 – PRINSIP KEDAULATAN

Kemerdekaan pada 31 ogos 1957 telah meninggalkan kesan yang besar terhadap negara dalam pelbagai aspek dan mewujudkan sebuah negara Persekutuan Tanah Melayu yang berdaulat

a) Apakah yang anda faham tentang kemerdekaan ?

Kemerdekaan ialah negara yang bebas daripada cengkaman penjajah. Hal demikian bebas menentukan pemerintahan sendiri. Seterusnya, negara merdeka merupakan negara berdaulat.

[2 markah]

b) Terangkan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu setelah negara mencapai kemerdekaan.

Prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu setelah mencapai kemerdekaan ialah wilayah pengaruh. Hal demikian kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk PTM.Prinsip kedaulatan seterusnya ialah lambang kebangsaan yang merupakan identiti negara.

c) Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, bagaimanakah kita dapat mengekalkan kemakmuran tersebut ?

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab,cara untuk mengekalkan kemakmuran ialah rakyat perlu bersatu mengekalkan perpaduan yang kukuh. Seterusnya, hubungan kaum semakin erat. Seterusnya, wujud kerjasama antara kaum. Kesannya, rakyat hidup aman dan harmoni.

[4 markah]